

# Mahathir puas hati pendirian Malaysia diambil kira

BOGOR 15 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata pada dasarnya beliau berpuas hati dengan hasil pertemuan ketua-ketua kerajaan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC).

"APEC kini bercakap dalam satu suara," katanya sewaktu ditanya oleh para wartawan sebaik-baik sahaja kembali dari menghadiri sidang di Bogor itu.

Beliau juga berpuas hati bahawa pendirian Malaysia turut diambil kira oleh sidang itu. "Mereka faham pendirian kita dan menghomatinya," kata beliau.

## Perisytiharan

Ditanya apakah terdapat suara yang menentang "Lampiran" yang disediakan oleh Malaysia kepada dokumen rasmi perisytiharan itu, beliau berkata: "Tidak."

Malah menurut beliau, Pengerusi sidang itu, Presiden Suharto sendiri mencadangkan dokumen tambahan itu disediakan.

Mengenai Presiden Bill Clinton, beliau berkata, Presiden Amerika Syarikat (AS) itu juga tidak membantah.

Beliau malah berkata, pendirian Malaysia itu merupakan pandangan banyak negara lain juga.

Dr. Mahathir juga me-

nyuarakan pandangan Malaysia tentang definisi 'dagang' sebagai dasar rujukan APEC.

Beliau berkata definisi itu penting untuk mengelakkan salah faham atau sebarang usaha oleh mana-mana pihak untuk menyalahgunakannya kemudian.

Beliau mengakui walaupun pelaburan turut menjadi agenda sidang kali ini, isu ekonomi sebenarnya lebih banyak menguasai. — *Utusan*.